

# JALAN-JALAN LAWAT LADANG

**R**ATA-RATA rakyat negara ini sedar akan kepentingan sektor agro dalam memastikan sumber makanan sentiasa terjamin.

Lihat sahaja sambutan orang ramai ketika Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang, Selangor sebagai bukti.

Peminat-peminat sektor agro sanggup datang dari segenap pelusuk negara bagi menyaksikan pameran tersebut.

Universiti Putra Malaysia (UPM) yang ditubuhkan khusus untuk mengembangkan pertanian turut menyedari akan potensi sektor tersebut untuk dijadikan sebagai produk pelancongan.

Menurut Pengarah Taman Pertanian Universiti (TPU) UPM, Prof. Dr. Japar Sidik Bujang, pelancongan disektor pertanian dikenali sebagai Agropelancongan.

Jelasnya, agropelancongan telah lama diperkenal oleh pelbagai agensi kerajaan yang terlibat mahupun dipihak swasta.

"Contoh terdekat yang kita boleh lihat kerancakan sektor

Oleh ASHRIQ FAHMY AHMAD  
ashriq.ahmad@  
utusan.com.my

Agropelancongan di Cameron Highland yang menjadikan buah strawberi dan teh sebagai ikon tanah tinggi tersebut.

"Tidak terhad kepada produk pertanian, produk ternakan juga turut mendapat perhatian peminat-peminat sektor ini," katanya ketika ditemui di Serdang, Selangor baru-baru ini.

Bagaimanapun, di UPM, khususnya TPU mereka menawarkan satulagi penambahan di dalam sektor Agropelancongan iaitu pendidikan menerusi program Edu-Park.

"Edu-Park menawarkan lawatan berpandu ke setiap pusat-pusat penyelidikan berkaitan agro dengan kadar bayaran yang minimum.

"Orang ramai kini berpeluang untuk melihat sendiri kajian dan pembangunan (R&D) berkenaan pertanian dan penternakan.

Jelas Dr. Japar Sidik, sebagai sebuah universiti tertua


dan berlatar belakangkan pertanian, UPM memiliki kemudahan dan lokasi yang sesuai untuk tujuan tersebut (agropelancongan).

"Terdapat 10 lokasi menarik di UPM boleh dilawati pelancong seperti Taman Konservatori Pertanian, Muzium Anatomi Manusia, Pusat Ekuin dan ladang rusa, lembu serta kambing," katanya.

Tambah Dr. Japar Sidik, agropelancongan berteraskan pendidikan (edupelancongan) membolehkan pelancong dari dalam dan luar negara dapat menikmati keindahan dan kemudahan di UPM selain mendapat ilmu pengetahuan sepanjang lawatan.

"Anda bakal melangkah ke alam universiti penyelidikan yang telah bermula sejak tahun 1931 sebagai sebuah Sekolah Pertanian.

"Program ini bukan sahaja dapat menarik minat golongan dewasa malah menanamkan minat dan semangat pelajar untuk memasuki mana-mana institusi pengajaran tinggi selepas mereka menamatkan pengajaran di alam persekolahan," katanya.



SALAH seorang pelajar sedang melaksanakan amali di ladang ternakan lembu.

UPM ditubuhkan sebagai sebuah Sekolah Pertanian pada 21 Mei 1971 di kawasan seluas 8.8 hektar di Serdang.

Ketika itu hanya dua program ditawarkan iaitu Program Diploma tiga tahun dan Program Persijilan setahun dalam bidang pertanian.

Tanggal 23 Jun 1947, Sekolah Pertanian tersebut telah dinaik taraf sebagai Kolej Pertanian Malaya oleh Sir Edward Gent, Gabenor Malayan Union ketika itu.

Penubuhan Universiti Pertanian Malaysia tercetus apabila Sekolah Pertanian di Serdang tersebut bergabung dengan Fakulti Pertanian, Universiti Malaya pada tahun 1973 dan pada 3 April 1997, namanya ditukar ke Universiti Putra Malaysia.

UPM memiliki keluasan lebih 1000 hektar dan pengunjung

## LOKASI MENARIK PROGRAM EDU-PARK UPM

- Galeri Serdang
- Taman Konservatori UPM
- Ladang rusa
- Ladang tenusu
- Pusat Ekuin
- Muzium Anatomi Manusia
- Muzium Anatomi Haiwan

rempah ratus dan tumbuhan wangian.

Apabila melawat tamannya pengunjung bukan sahaja diperkenal kepada tumbuhan malah turut diterangkan dengan kelebihan dan khasiatnya.

"Kalau sekadar berjalan mengelilingi taman ini, setengah jam sahaja sudah cukup tetapi jika mendengar penerangan tentang tumbuh-tumbuhan yang kami berikan pasti lebih daripada setengah jam."

"Bagi memudahkan pengunjung, kebanyakan spesies telah diletakkan maklumat mengenainya termasuk nombor tertentu," katanya.

Dalam pada itu, taman tersebut turut dilengkap dengan WiFi bagi membolehkan pelawat mengakses laman web www.acp.upm.my. untuk mendapatkan maklumat lanjut.





UPM menerusi program agropelancongan yang diwujudkan menawarkan lawatan terus ke ladang-ladang haiwan ternakan kepada pengunjung yang hadir.

**SEKUMPULAN** pelajar perubatan veterinar sedang berbincang mengenai ladang.

## Popularkan ladang ternakan

**S**ELAIN taman herba, pengunjung yang berminat dengan haiwan ternakan boleh ke ladang tenusu contohnya.

Kawasan ladang yang luas memberi kelebihan kepada UPM untuk menternak lembu.

Terdapat dua ladang lembu iaitu lembu tenusu dan lembu daging. Di kandang lembu tenusu, pengunjung berpeluang untuk melihat proses memerah susu, memberi minum susu kepada anak lembu atau sekadar mengambil gambar.

Lebih menarik UPM turut memiliki ladang rusa yang berfungsi sebagai pusat

penyelidikan, pembelajaran, pengeluaran dan untuk dijual.

Terdapat hampir 200 ekor rusa di ladang tersebut dan sesetengahnya amat jinak dan boleh dibelai dan bermanja dengan pengunjung.

Pengunjung juga berpeluang bergambar secara dekat dan memberinya minum susu botol.

UPM turut menawarkan daging rusa pada kadar harga RM35 sekilogram atau seekor berharga antara RM1,200 hingga RM1,600.

Namun, jualan hanya dilakukan jika terdapat bilangan rusa yang berlebihan di ladang tersebut.

Selain pusat-pusat

penyelidikan, UPM turut memiliki gerai khas yang dikenali sebagai Putra Mart untuk menjual produk keluaran penyelidik UPM pada kadar harga yang berpatutan.

Setelah penat meneroka sekitar UPM, pastikan anda singgah sebentar di L'Apprenti yang merupakan sebuah restoran khas dikendalikan staf dan pelajar Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, UPM untuk membiasahkan tekak mahupun menjamu selera.

Untuk mengikuti ke semua atau sebahagian program-program tersebut anda perlu menempah terlebih dahulu dan

sedikit bayaran akan dikenakan namun amat berbaloi dengan pengalaman yang anda peroleh.

Terdapat beberapa pakej yang disediakan malah pihak Edu-Park UPM juga boleh mengaturkan program khas buat pengunjung berdasarkan permintaan dan bilangan pengunjung.

Untuk maklumat lanjut anda boleh melayari laman web Edu-Park di [www.edupark.upm.edu.my](http://www.edupark.upm.edu.my) atau hubungi mereka di talian 03-8947 1413 dengan sambungan 1414 atau 1419 dan waktu panggilan terhad bermula pukul 8 pagi hingga 1 petang sebelum disambung pada pukul 2 petang hingga 5 petang.